



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA


LAPORAN LIPUTAN MEDIA

AHAD, 19 JUN 2022	
1.	First batch of whole chicken stockpile arrives
2.	Jangka harga ayam Rm10 sekilo -satu kontena bekalan ayam import tiba semalam
3.	Segera umum subsidi kepada pengguna -simpanan stok ayam bulat tiba pada Sabtu -Rm200 juta subsidi sudah dibayar kepada penternak
4.	Bekalan lembu korban mencukupi -tempoh kuarantin kemasukan lembu import dipendek kepada 14 hari
5.	Pemain gergasi ayam 'besar kepala'
6.	Harga ayam Rm13.50 sekilogram di Terengganu
7.	Stocks arrive -first batch of whole chicken arrives
8.	'Enough supply for AidilAdha'
9.	Simpanan stok pertama 21 tan ayam bulat tiba
10.	Rm200 juta sudah dibayar bagi penetapan harga siling ayam

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19.06.2022	SUNDAY STAR	NATION	3



Meaty matter:
The stockpiling of chicken is aimed at helping to stabilise the country's supply.
— Bernama

First batch of whole chicken stockpile arrives

KUALA LUMPUR: The National Farmers' Organisation (Nafas) has started importing round chicken from poultry producers with the arrival of the first stockpile of 21 metric tonnes in one container.

Farmers Organisation Board (LPP) said the supply was imported from poultry producers that had obtained approval from the Veterinary Services Department.

"The next batch of chicken supply will be brought into the country on Monday in three

containers that will be placed in the freezer room in Sungai Bakap, Penang," it said in a statement.

LPP said through Nafas and the State Farmers' Organisations (PPN), it had been given the main task of implementing the chicken buffer stock programme to stabilise the country's chicken supply needs.

"The programme will be implemented in stages, in collaboration with the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) and

PPN, especially in terms of cold room facilities usage.

"In addition, the distribution of chicken will be done through PPN, Area Farmers' Organisations and Fama networks," it said, adding that LPP would also monitor the implementation of import scheduling by Nafas.

For a start, Selangor PPN, Johor PPN and Perak PPN have been selected to help Nafas carry out the programme. Other PPN will also be included when needed. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19.06.2022	HARIAN METRO	LOKAL	10



ORANG ramai membeli ayam segar di pasar Chabang Tiga, Kuala Terengganu. - Gambar NSTP/GHAZALI KORI

JANGKA HARGA AYAM RM10 SEKILO

Skim harga maksimum runcit ayam dan pemberian subsidi kepada penternak ayam tamat pada 30 Jun depan

Melaka

Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) menjangkakan harga sekilogram ayam akan mencecah lebih RM10 selepas berakhirnya skim harga maksimum runcit ayam dan pemberian subsidi kepada penternak ayam pada 30 Jun ini.

Penasihat FLFAM Datuk Jeffery Ng Choon Ngee berkata penamatan kedua-dua insentif daripada kerajaan itu sekali gus akan menyebabkan kos keseluruhan yang ditanggung penternak akan meningkat melebihi RM7 sekilogram seiras dengan peningkatan harga

makanan ayam.

"Sekarang ini, harga sekilogram ayam adalah RM8.90 iaitu harga ayam segar dari ladang adalah RM5.60 sekilogram tetapi sekarang ini kami masih mendapat subsidi sebanyak RM1.40 bagi sekilogram ayam.

"Harga dedak hari ini satu beg lebih kurang RM130... paling murah. Satu kilogram dedak pula lebih kurang RM2.60. Ini hanya dedak sahaja dan bagi kira-kira 1.7kg ayam, kos dedak sudah lebih RM4 manakala anak ayam yang kami beli berharga RM2.30 hingga RM2.40 sekor," katanya.

Beliau berkata penternak bukan sahaja perlu menang-

gung harga pembelian anak ayam dan dedak, tetapi juga perlu mengambil kira kos lain seperti gaji, ubat vaksin dan elektrik.

Katanya justeru FLFAM berharap dapat melakukan perbincangan dengan kerajaan terutama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) bagi menentukan harga baharu ayam yang munasabah dan mengambil kira kepentingan rakyat serta penternak ayam di negara ini.

Jeffery Ng berkata perbincangan berkenaan penting bagi memastikan tiada pihak akan mengambil ke-

sempatan terhadap penamatn kedua-dua insentif itu dengan menaikkan harga sewenang-wenangnya.

Kelmarin media melaporkan harga ayam dijangka naik pada bulan depan apabila ia diapungkan ekoran berakhirnya skim harga maksimum runcit ayam pada 30 Jun ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dilaporkan berkata, susulan jangkakan kenaikan harga ayam, Kementerian Kewangan (MOF) sedang merangka pemberian bantuan kepada golongan memerlukan, yang akan dimuktamadkan hujung bulan ini.

Satu kontena bekalan ayam import tiba semalam

Kuala Lumpur: Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) sudah mula mengimport ayam bulat daripada pengeluar ayam dengan simpanan stok pertama sebanyak 21 tan metrik dalam satu kontena tiba semalam.

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dalam satu kenyataan semalam memaklumkan pengimportan ayam



Bekalan ayam seterusnya akan dibawa masuk ke dalam negara pada Isnin (esok) iaitu tiga kontena yang akan ditempatkan di bilik sejuk beku Nafas di Sungai Bakap, Pulau Pinang," menurut kenyataan itu.

Kenyataan LPP

itu adalah daripada pengeluaran yang mendapat pengesahan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

"Bekalan ayam seterusnya akan dibawa masuk ke dalam negara pada Isnin (esok) iaitu tiga kontena yang akan ditempatkan di bilik sejuk beku Nafas di Sungai Bakap, Pulau Pinang," menurut kenyataan itu.

LPP memaklumkan lembaga itu melalui Nafas dan Gabungan Pertubuhan Peladang Negeri telah diberi peranan utama untuk melaksanakan program stok penimbun ayam bagi tujuan menstabilkan keperluan bekalan ayam negara.

Menurut LPP, program tersebut dilaksanakan secara berperingkat-peringkat

dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) dan gabungan berkenaan terutama dalam penggunaan kemudahan bilik sejuk.

Sementara itu, LPP memaklumkan pengedaran ayam pula adalah melalui jaringan rangkaian Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang

Kawasan (PPK) dan Fama dengan LPP akan memantau pelaksanaan penjadualan pengimportan oleh Nafas.

Tiga PPN iaitu PPN Selangor, Johor dan Perak dikenal pasti bagi membantu Nafas menayakan program tersebut dengan beberapa PPN lain akan turut sama dilibatkan mengikut keperluan semasa.

Segera umum subsidi kepada pengguna

Orang ramai desak kerajaan salur subsidi berikutan jangkaan kenaikan harga ayam

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN
SHAH ALAM



AIMAN ATHIRA



NIK MUHAMMAD FARIHAN



EMAN



MAIMUNAH



MUHAMMAD FAUZI

Orang ramai mendesak kerajaan untuk mengumumkan pemberian subsidi kepada pengguna kerana harga ayam dijangka naik melebihi RM10 sekilogram pada bulan hadapan susulan berakhirnya skim harga maksimum runcit ayam dan pemberian subsidi kepada penternak.

Pengguna, Aiman Athira Apendi, 32, berkata, tindakan tersebut perlu dilaksanakan dengan segera bagi membantu rakyat terutamanya bagi golongan B40.

"Kerajaan tidak boleh bertengah-tengah dalam mengambil tindakan seperti ini sebab keadaan rakyat sekarang semakin susah.

"Kerajaan perlu fokus kepada usaha membantu serta memudahkan rakyat, bukan sebaliknya," katanya yang bekerja sebagai seorang cef kepada *Sinar Ahad*.

Dalam pada itu, kerani, Nik Muhammad Farihan Nik Mohd Anuar, 28, berkata, kenaikan harga ayam yang akan berlaku itu semestinya memberi impak kepada perbelanjaan rakyat dan golongan perniagaan.

"Dalam keadaan ekonomi masa kini, kerajaan perlu mengambil langkah dengan cepat.

"Kenaikan harga ayam sangat memberi kesan kepada banyak pihak seperti perniagaan makanan dan sebagainya," ujarnya.

Bagi Eksekutif Pembangunan Perniagaan, Eman Azmi, 29, keluh dan usaha rakyat dalam menyampaikan mesej kepada kerajaan berhubung kenaikan harga ayam juga perlu dilakukan bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) lain.

"Kumpulan pendesak seperti NGO dan

persatuan pengguna malah rakyat sendiri perlu bergabung untuk memberi mesej jelas kepada kerajaan supaya mengawal harga barang keperluan.

"Kita tidak mahu rakyat terus terhimpit dengan semua harga barang naik termasuk ayam," jelasnya.

Sementara itu, pesara, Maimunah Osman, 64, berkata, pengumuman subsidi kepada pengguna perlu diteruskan kepada rakyat terutamanya golongan B40 dan M40 berikutan tekanan kos sara hidup yang semakin tinggi.

"Bagaimanapun, pemberian subsidi adalah untuk tindakan jangka pendek. Kerajaan perlu juga memikirkan tindakan untuk jangka panjang seperti meningkatkan bekalan ternakan dan pertanian yang men-

cukupi untuk keperluan rakyat tanpa bergantung kepada import dari negara jiran.

"Selain itu, kerajaan perlu memanfaatkan ruang tanah yang ada dan kemahiran rakyat sendiri untuk sumber bekalan makanan," katanya.

Bagi jurutera, Muhammad Fauzi Jais, 32, pula, pemberian subsidi wajar diteruskan ketika ini namun pada masa yang sama kerajaan perlu memikirkan langkah alternatif jangka masa panjang.

"Bagi jangka masa panjang, kita perlu cari alternatif lain makanan kepada ayam supaya keperluan pengedaran ayam tidak putus manakala untuk jangka pendek, pengumuman subsidi perlu diberikan kepada kumpulan sasar seperti B40," ujarnya.

Simpanan stok ayam bulat tiba pada Sabtu

KUALA LUMPUR - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) telah mula mengimport ayam bulat daripada pengeluar dengan simpanan stok pertama sebanyak 21 tan metrik dalam satu kontena akan tiba pada Sabtu.

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dalam kenyataan memaklumkan, pengimportan ayam itu adalah daripada pengeluar yang telah mendapat pengesahan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

"Bekalan ayam seterusnya akan dibawa masuk ke dalam negara pada Isnin ini iaitu tiga kontena yang ditempatkan di bilik sejuk beku Nafas di Sungai Bakap, Pulau Pinang," menurut kenyataan itu pada Sabtu.

LPP memaklumkan lembaga itu melalui Nafas dan Gabungan Pertubuhan Peladang Negeri telah diberi peranan untuk melaksanakan program stok penimbal ayam bagi tujuan menstabilkan keperluan bekalan

ayam negara.

Menurut LPP, program itu dilaksanakan berperingkat dengan kerjasama Lembaga Pemasaran, Pertanian Persekutuan (FAMA) dan gabungan berkenaan.

LPP memaklumkan pengedaran ayam pula adalah melalui jaringan rangkaian Pertubuhan Peladang Negeri serta Pertubuhan Peladang Kawasan dan FAMA dengan LPP akan memantau pelaksanaan penjadualan pengimportan oleh Nafas. - Bernama

RM200 juta subsidi sudah dibayar kepada penternak

KUALA KANGSAR - Kerajaan telah melunaskan RM200 juta bayaran subsidi kepada penternak ayam di seluruh negara setakat Khamis lalu, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Beliau berkata, dengan bayaran itu, kadar subsidi berkenaan masih mempunyai lebihan sekitar RM529 juta daripada jumlah keseluruhan RM729.43 juta yang diperuntukkan di bawah Skim Kawalan Harga Keluarga Malaysia (SKHKM).

Menurutnya, lebihan peruntukan itu tidak akan digunakan bagi tujuan bayaran subsidi yang

sama selepas 30 Jun ini sebaliknya dialihkan dalam bentuk bantuan lain.

"Kita tidak akan memberi subsidi lagi selepas bayaran terakhir pada 30 Jun ini.

"Jadi nilai lebihan subsidi yang ada akan dialihkan dalam bentuk lain seperti yang diumumkan Perdana Menteri khusus untuk golongan B40 yang akan ditentukan oleh Kementerian Kewangan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar sempena lawatan kerja ke projek pembangunan pemasaran agro makanan Kuala Kangsar di sini pada Sabtu.

Mengulas lanjut, Ronald menaiki pemberhentian subsidi itu akan menyebabkan kenaikan harga ayam di pasaran antara RM11 ke RM12 sekilogram berbanding harga siling RM8.90 yang ditetapkan kerajaan.

Jelasnya, subsidi dibenkan sebelum ini menyaksikan kerajaan menampung sehingga RM1.40 sekilogram dan sekiranya harga diapungkan selepas berakhir skim harga maksimum runcit pada 30 Jun ini, sudah pasti kenaikan harga berlaku.

"Jika harga ayam diapungkan, tentu harga akan meningkat daripada RM8.90 sekilogram," ujarnya.

Bekalan lembu korban mencukupi

Kerajaan lulus import lebih 12,000 lembu hidup jamin bekalan mencukupi sempena Aidiladha

PUTRAJAYA

mastikan bekalan itu mencukupi.

"(Bekalan) lembu korban adalah mencukupi setelah kita buka dan beri kebenaran untuk import lembu dari Thailand," katanya kepada pemberita selepas mesorasmikan Seminar Pekerjaan Subsektor Tanaman di sini pada Sabtu.

Pada 7 Jun 2021, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) mengganggung import lembu dan kerbau dari Thailand berkuat kuasa serta-merta selepas menilai risiko penularan penyakit kulit kental (LSD) yang dilaporkan di lebih 41 wilayah di Thailand.

Selepas perjumpaan, perbincangan dan penambahbaikan beberapa peraturan dan proses-

dur import, JPV membenarkan baikk larangan import lembu dan kerbau dari Thailand berkuat kuasa pada 15 Mac lepas.

Pada tahun 2021, Malaysia mengimport sebanyak 12,405 ekor lembu dari Thailand sempena sambutan Aidiladha berbanding 12,553 ekor pada

2020.

Sementara itu, dalam ucapannya, Ahmad berkata, warga tempatan terutama beliau disaran merembut tawaran kerja dalam sektor tanaman agrokuliner bagi mengurangkan kebergantungan pekerja asing dalam sektor itu.

"Jabatan Pertanian sasarkan pengurangan pekerja asing sebanyak 10 peratus hingga 2030," katanya. - Bernama



AHMAD

Tempoh kuarantin kemasukan lembu import dipendek kepada 14 hari

ALOR GAJAH - Isu kekurangan bekalan lembu hidup bagi ibadiah korban dijangka selesai menjelang awal Julai ini termasuk tempoh kuarantin kemasukan lembu import yang dipendekkan kepada 14 hari.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (DVS), Datuk Dr Norizan Mohd Noor berkata, pihaknya telahpun mengadakan beberapa siri perbincangan dengan pihak berkuasa Thailand untuk menyelesaikan beberapa perkara teknikal dan protokol bagi membolehkan lembu dari Thailand masuk ke Malaysia dengan segera.

"Semalam (Jumaat) pun kita sudah menghantar satu surat terkini kepada pihak Thailand, untuk meminta kerjasama mereka agar membenarkan pengeluaran sijil kesihatan veterinar bagi melepaskan lembu-lembu yang

telah ada dalam stesen kuarantin di Thailand.

"Insya-ALLAH dalam tempoh yang terdekat, sebelum raya korban ini kita akan dapat menyelesaikan," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke ladang ternakan ayam Leong Hup di Taboh Nanning di sini pada Sabtu.

Jelasnya, Malaysia memerlukan 42,000 lembu hidup bagi tujuan ibadiah korban namun setakat ini bekalan lembu hidup tempatan hanya mampu membekalkan dalam lingkungan 38,000 ekor sahaja.

"Kita masih bergantung harap untuk kemasukan segera lembu hidup dari luar khususnya daripada Thailand memandangkan saiz lembu yang diimport dari negara itu lebih sesuai bagi ibadiah korban seperti mana lembu yang ada di Malaysia," jelasnya. - Bernama

Kerajaan tak berjaya kawal sektor ayam sebab tiada lembaga unggas

Pemain gergasi ayam 'besar kepala'

Oleh FAHMI FAIZ

utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Isu kenaikan harga ayam kembali hangat, apabila pemain-pemain gergasi industri tersebut mengumumkan akan menaikkan harga ternakan itu di pasaran bermula Julai.

Hal ini sekali gus membuk-

tikan industri itu masih dikuasai pihak swasta dan kerajaan seolah-olah tidak mempunyai sebarang kuasa untuk menstabilkan harga demi kepentingan pengguna.

Bercakap kepada *Mingguan Malaysia*, Pengarah Nafas Food Processing and Marketing Sdn. Bhd., Shafiqurrahman Shamsuddin berkata, bukti bahawa

industri ayam masih dalam cengkaman pihak swasta jelas dilihat melalui sikap 'besar kepala' pemain gergasi industri ayam yang baru-baru ini secara terbuka mengumumkan, bahawa mereka perlu menaikkan harga ayam bermula Julai susulan berakhirnya skim harga runcit maksimum.

Sebelum ini kerajaan mem-

peruntukkan RM720 juta kepada penternak ayam bagi memastikan harga ternakan itu kekal rendah dan mampu dibeli sebahagian besar rakyat.

Bagaimanapun subsidi itu gagal mengekang kenaikan harga barang makanan yang paling popular di negara ini.

Bersambung di muka 2

Pemain gergasi ayam 'besar kepala'

Dari muka 1

Shafiqurrahman berkata, langkah sedemikian ternyata akan menindas pengguna sedangkan pemain industri ayam mendapat keuntungan apabila menaikkan harga bekalan itu di pasaran.

Lebih malang, kerajaan seakan-akan akur dan tunduk dengan desakan pihak swasta sehingga tidak mampu membuat apa-apa untuk menstabilkan harga ternakan tersebut, sedangkan sudah banyak pendedahan dibuat pihak media tentang kegiatan kartel yang dilakukan oleh sebilangan pemain gergasi industri ayam negara ini.

"Kita tahu bahawa harga siling ayam telah ditetapkan kerajaan namun mendapat tentangan hebat daripada beberapa pemain gergasi industri. Mereka secara jelas menentang harga siling yang ditetapkan. Mereka meletakkan tekanan itu kepada penternak-penternak kontrak di bawah mereka.

"Penternak ini dipaksa membayar harga bekalan anak ayam dan dedak ayam yang tinggi. Ini membuktikan kerajaan tiada sebarang kawalan yang jelas berhubung dua perkara pokok yang menjadi faktor peningkatan harga ayam di pasaran, iaitu anak ayam dan makanan dedak.

"Kalau kita tengok hari ini, sudah ada tekanan secara terang-terang oleh pemain gergasi industri, mencadangkan akan berlaku kenaikan harga ayam selepas 30 Jun ini. Jadi apa peranan kerajaan?" soalnya.



Kalau kita tengok hari ini, sudah ada tekanan secara terang-terang oleh pemain gergasi industri, mencadangkan akan berlaku kenaikan harga ayam selepas 30 Jun ini."

SHAFIQUURRAHMAN
SHAMSUDDIN

Untuk rekod, kelmarin Penasihat Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM), Datuk Jeffrey Ng Choon Ngee berkata, harga baharu ayam segar selepas berakhirnya skim harga maksimum runcit ayam pada 30 Jun ini, perlu melebihi RM10 sekilogram bagi mendapatkan situasi 'menang-menang' antara pemain industri rantaian makanan itu serta pengguna.

Katanya, kenaikan ini perlu dibuat kerana mengambil kira kos operasi di ladang ternakan yang meningkat kepada kira-kira RM7 sekilogram susulan penamatan subsidi RM1.40 kepada penternak yang berkuat kuasa 1 Julai ini.

Mengulas perkara itu, Shafiqurrahman berkata langkah kerajaan bertindak menga-pungkan harga ayam di pasa-

ran bermula Julai ini dijangka akan menyaksikan pasaran ayam menjadi huru-hara dan rakyat terpaksa bersedia membayar harga ternakan itu yang lebih tinggi.

"Sedangkan sewaktu penetapan harga maksimum ayam pun, syarikat-syarikat gergasi swasta sudah berani main langgar saja dan menaikkan harga sesuka hati, kini cuba bayangkan apabila kerajaan mengapungkan harga, pasti mereka akan lebih bebas membuat sesuka hati. Apa akan jadi kepada rakyat?" soalnya.

Justeru, beliau berkata, kerajaan perlu segera menubuhkan sebuah lembaga unggas bagi mengawal ternakan ayam, itik dan puyuh kerana itu satu-satunya mekanisme mengawal industri tersebut daripada berterusan dikuasai pihak swasta yang hanya memikirkan keuntungan berbanding tanggungjawab nasional.

Sementara itu, Shafiqurrahman membidas dakwaan segelintir penternak yang berasa terancam dengan langkah intervensi kerajaan terhadap sektor ayam, melalui penyertaan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) iaitu Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) ke dalam sektor itu bagi mengimbangi pengaruh pihak swasta.

"Mungkin keadaan ini timbul kerana berlaku kurang faham terhadap ekosistem sebenar industri ayam. Melalui penyertaan GLC, kita akan menyuburkan lagi penternak-penternak kecil," katanya.

Harga ayam RM13.50 sekilogram di Terengganu

Oleh **TENGGU DANISH BAHRI**
TENGGU YUSOFF

utusannews@mediamula.com.my

KUALA TERENGGANU: Harga ayam segar di beberapa pasar di negeri ini dijual pada harga RM13 hingga RM13.50 sekilogram sejak awal bulan ini berbanding harga siling RM8.90 yang ditetapkan oleh kerajaan.

Malah, beberapa peniaga tidak menolak kemungkinan harga ayam akan lebih mahal selepas skim kawalan harga berakhir hujung bulan ini terutama menjelang Hari Raya Aidiladha.

Seorang peniaga ayam yang mahu dikenali Halim, 39, berkata, peniaga tiada pilihan selain menjual pada harga tersebut kerana mendapat bekalan ayam pada harga yang tinggi.

"Kemungkinan harga ayam akan terus melambung menjelang Hari Raya Haji," katanya ketika ditemui di Pasar Manir dekat sini, semalam.

Seorang peniaga di Pasar Batu Enam, Ahmad Riduan Redha, 44, pula berkata, dia mendapat



SEORANG peniaga memotong ayam yang ditempah pelanggannya di Pasar Batu Enam, Kuala Nerus, Terengganu, semalam. - MINGGUAN/TENGGU DANISH BAHRI TENGGU YUSOFF

bekalan ayam segar yang terhad berbanding jumlah tempahan sejak sebulan lalu.

Katanya, pada masa ini, dia hanya menerima bekalan ayam antara 100 sehingga 120 kilogram (kg) sehari berbanding

permintaan 200kg daripada pemborong.

"Kita faham orang ramai merungut tetapi saya terpaksa jual ayam segar pada harga RM12 sekilogram untuk elak kerugian," katanya yang men-

dapat bekalan ayam daripada pemborong pada harga RM10.50 sekilogram.

Seorang pelanggan, Rashid Ibrahim, 38, dari Bukit Tunggul di sini berkata, kerajaan perlu bertindak tegas bagi membendung kenaikan harga ayam segar yang semakin tinggi sehingga membebankan pengguna.


"Saya berharap harga ayam lebih murah menjelang Hari Raya Aidiladha tidak lama lagi," katanya.

Sementara itu, Persekutuan Persatuan-persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) mahu kerajaan menetapkan harga ayam yang lebih relevan selepas penamatan subsidi pada 1 Julai ini.

Penasihatnya, Datuk Jeffrey Ng berkata, peladang akan berdepan dengan kerugian besar susulan terpaksa menanggung kos penternakan yang mencecah RM7 sekilogram.

"Peruncit juga tidak akan memperoleh keuntungan apabila terpaksa menjual ayam segar pada harga terlalu rendah iaitu RM8.90 sekilogram," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19.06.2022	NEW STRAITS TIMES	NATION	MUKA DEPAN & 8



21 METRIC TONNES STOCKPILE

First batch of whole chicken arrives

KUALA LUMPUR: The National Farmers' Organisation (Nafas) has started importing whole chickens from poultry producers with the first consignment of 21 metric tonnes arriving yesterday.

The Farmers Organisation Board (LPP), in a statement, said the supply was imported from producers that had obtained approval from the Veterinary Services Department.

"The next chicken consignment will be brought into the country on Monday (tomorrow). These three containers will be placed in the Nafas freezer room in Sungai Bakap, Penang," the statement read.

It added that LPP, through Nafas and state farmers' organisations (PPN), was given the main task of implementing the chicken buffer stock programme.

According to LPP, the programme would be implemented in stages, in collaboration with the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) and PPN, especially in the use of cold room facilities.

LPP said the chicken distribution would be done through PPN, area farmers' organisations and Fama networks. LPP would monitor the implementation of import scheduling by Nafas.

The Selangor PPN, Johor PPN and Perak PPN have been selected to assist Nafas in carrying out the programme, and other PPNs would also be included based on current needs. **Bernama**

Page 1 pic: A worker stacking processed chicken at a company in Johor recently. PIC BY NUR AISYAH MAZALAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19.06.2022	NEW STRAITS TIMES	NATION	8

'ENOUGH SUPPLY FOR AIDILADHA'

Deputy minister says govt had allowed importation of cattle from Thailand

RAFIDAH MAT RUKI
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

THERE will be enough poultry and meat for the Hari Raya Aidiladha period next month, said the Agriculture and Food Industries Ministry.

Deputy Minister Datuk Seri Ahmad Hamzah also gave an assurance that there would be a sufficient supply of cattle for the Aidiladha sacrificial ritual as the government had allowed imports from Thailand.

"We want to ensure there will be sufficient supply (of poultry and meat) to meet the demand not only for daily consumption, but also for the Aidiladha celebration."

He said this after launching a job-matching seminar for the agriculture sub-sector that was organised by the Agriculture Department here yesterday.

The government in March this year lifted the ban on the im-

portation of cattle from Thailand.

The move came about after Malaysia's Veterinary Services Department and Thailand's Livestock Development Department devised a solution to manage the lumpy skin disease afflicting cattle.

At the seminar, Ahmad said the department projected a 10 per cent reduction in foreign workers by 2030 due to the adoption of technology and greater participation of local youths in the agriculture sub-sector.

The Immigration Department's records show that there were 156,334 foreign workers in the agriculture sector up to June 30, 2019, he said.

Of this number, 70 per cent were working in the agriculture sub-sector.

"Based on input from the industry, the sector, which relies on foreign labour, needs about 46,000 workers.

"Locals should take this oppor-



Deputy Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Ahmad Hamzah speaking at a job-matching seminar in Putrajaya yesterday. BERNAMA PIC

tunity and fill the vacancies to their advantage."

Ahmad also said until June 9, there were 17,425 employment opportunities in the agriculture

sector and that the vacancies were advertised in the MyFuture-Jobs portal.

"Of this figure, 76 per cent are in the agriculture sub-sector,

involving positions such as those related to management and administration, technical roles, farm supervisors and workers."

Simpanan stok pertama 21 tan ayam bulat tiba

**Gabungan LPP
Negeri, NAFAS
diberi peranan
laksana program
stok penimbal**

Kuala Lumpur: Ayam bulat yang diimport Pertubuhan Peladang Kelangsaan (NAFAS) mula tiba di negara ini, dengan simpanan

stok pertama sebanyak 21 tan dalam satu kontena tiba semalam. Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dalam kenyataannya, memaklumkan pengimportan ayam itu adalah daripada penguatkuasaan yang sudah mendapat pengesahan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

"Bekalan ayam seterusnya akan dibawa masuk ke dalam negara pada Isnin (esok), iaitu tiga kontena yang akan ditempatkan di bilik sejuk beku NAFAS di Sungai Bakap, Pulau Pinang," menurut kenyataan berkenaan.



Pengimportan ayam bertujuan menstabilkan keperluan bekalan ayam negara.

(Foto: iktan)

LPP memaklumkan, lembaga itu melalui NAFAS dan Gabungan Pertubuhan Peladang Negeri sudah diberi peranan utama untuk melaksanakan program stok penimbal ayam bagi tujuan menstabilkan keperluan bekalan ayam negara.

Menurut LPP, program tersebut dilaksanakan secara berperingkat dengan kerjasama Lem-

baga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan gabungan berkenaan, terutama dalam penggunaan kemudahan bilik sejuk.

Sementara itu, LPP memaklumkan pengedaran ayam pula adalah melalui jaringan rangkaian Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPE) dan FA-

MA, dengan LPP akan memulakan pelaksanaan perijadian pengimportan oleh NAFAS.

Tiga PPN iaitu PPN Selangor, Johor dan Perak dikemal bagi membantu NAFAS menjalankan program tersebut dengan beberapa PPN lain akan turut sama dilibatkan mengikut keperluan semasa.

BERNAMA

RM200j sudah dibayar bagi penetapan harga siling ayam

Tempoh berakhir 30 Jun, lebih RM529j dialihkan dalam bentuk lain

Oleh Mohammad Zulisyamini Sufian Suri
bhnews@bh.com.my

Kuala Kangsar: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) setakat Khamis lalu sudah membayar RM200 juta daripada keseluruhan RM729.43 juta subsidi yang disediakan bagi penetapan harga siling ayam standard RM8.90 setiap kilogram.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Klandee, berkata biarpun masih terdapat lebih sebanyak kira-kira RM529 juta, tempoh subsidi bagi harga siling ayam tetap akan berakhir 30 Jun ini dengan lebih bakinya akan dialihkan dalam bentuk lain mengikut ketentuan Kementerian Kewangan.

Beliau berkata, pengakhiran tempoh selama empat bulan sejak penamatan subsidi itu sekali gus bakal menyaksikan peningkatan harga jualan ayam standard yang dijangka antara RM11 hingga RM12 sekilogram.

Katanya, harga siling ayam RM8.90 sekilogram yang dijual sekarang adalah di bawah harga pasaran yang mana perbezaan



Saarani (tiga dari kiri) dan Ronald (dua dari kiri) ketika melawat tapak Projek Pasar Tani Kekal Kuala Kangsar, semalam.

(Foto L.Manimaran/BH)

dengan harga sebenar ditampung kerajaan melalui subsidi kepada penternak di ladang sebanyak RM1.40 sekilogram.

"Kerajaan maklum kos input yang meningkat membabitkan kos buruh, makanan haiwan, pengurusan, kematian dan penyakit ternakan serta pelbagai lagi yang ditanggung penternak yang mana jika harga diapungkan, tentu meningkat melebihi RM8.90 sekilogram.

"Kita tidak lagi memberi subsidi kepada harga ayam, namun nilai subsidi akan dialihkan dalam bentuk lain seperti diumumkan Perdana Menteri khusus untuk golongan B40 yang jumlahnya akan ditentukan Kementerian

Kewangan," katanya selepas melakukan lawatan kerja di Pusat Pemasaran Agromakanan FAMA Manong, di sini, semalam.

Sebelum itu, Ronald turut mengadakan lawatan ke tapak Projek Pasar Tani Kekal (PTK) Kuala Kangsar di Taman Kuala Kangsar yang bakal memberikan manfaat kepada lebih 100 usahawan apabila siap sepenuhnya pada April 2023.

Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad dan Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli.

Sebelum ini, dilaporkan RM729.43 juta subsidi disediakan di bawah Skim Kawalan Harga Keluarga Malaysia sejak 5 Febru-

ari lalu, selaras penetapan harga siling ayam RM8.90 sekilogram.

Sementara itu, Ronald berkata, larangan eksport sementara waktu bagi ayam tidak terpakai kepada jenis ayam daging berwarna termasuk ayam kampung dan ayam hitam memandangkan ayam jenis itu tidak berdepan gangguan bekalan.

Mengenai PTK Kuala Kangsar, Ronald berkata projek bernilai RM4 juta hasil kerjasama peringkat Persekutuan dan negeri itu adalah transformasi pasar awam sebagai pusat sehenti dengan pengurusan lebih sistematik melalui penyediaan 116 lot baharu yang dijangka meningkatkan pendapatan dan nilai jualan pe-

serta sebanyak 30 peratus.

Katanya, setakat ini terdapat 40 PTK di seluruh negara termasuk lima yang masih dalam pembinaan dengan jumlah peruntukan keseluruhan penubuhan PTK adalah RM147.57 juta.

Mengenai Pusat Pemasaran Agromakanan FAMA Manong, Ronald berkata, pusat di atas tanah seluas 1.6 hektar itu sudah melalui proses naik taraf sebagai model perniagaan dan pusat rujukan pemasaran hasil pertanian berteknologi memandangkan ia yang pertama seumpamanya di Perak.

Katanya, pembangunan pusat itu dapat memberi peluang dan pendedahan kepada golongan belia mengenai teknologi terkini yang tersedia dalam sektor pertanian, sekali gus mengoptimalkan penggunaan tanah terlar milik kerajaan.

Beliau berkata, Pusat Rujukan Pemasaran Hasil Pertanian Berteknologi yang juga sebahagian daripada pusat berkenaan dimajukan di tanah rizab Jabatan Kerja Raya (JKR) berkeluasan 1 hektar dengan pengaplikasian konsep Internet of Things (IoT) iaitu menggunakan kaedah sistem fertigasi, hidroponik dan akuaponik dalam satu kawasan.

"Kaedah ini memberikan peluang sehingga RM90,000 pada sesuatu tempoh dengan pengeluaran dua komoditi iaitu sayuran berdaun organik sebanyak 3.3 metrik dan ikan tilapia sebanyak 4,000 ekor," katanya.